

17/05/1997

Umno siasat dakwaan Razaleigh

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Umno akan menyiasat dakwaan bekas Presiden Semangat 46 (S46) Tengku Razaleigh Hamzah bahawa kemungkinan ada ketua bahagian Umno sengaja melengah-lengah dan menyekat kemasukan bekas pengikutnya ke dalam parti itu.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata setakat ini beliau belum menerima sebarang aduan mengenai aduan itu dan meminta mereka yang mempunyai bukti supaya mengemukakan kepadanya,

"Saya tidak tahu mengenai perkara itu. Setakat ini saya tidak pernah menerima sebarang aduan daripada mana-mana pihak. Jika ada sudah tentu kita akan mengambil tindakan tegas," katanya selepas majlis pelancaran majalah Outdoor Adventure Asia Pacific, di sini, hari ini.

Tengku Razaleigh ketika membuat dakwaan itu semalam berkata, perkara itu boleh berlaku kerana ada kemungkinan kepemimpinan Umno peringkat cawangan dan bahagian bimbang kedudukan mereka terjejas dengan kemasukan bekas anggota S46.

Sabbaruddin mengulangi statistik kemasukan bekas S46 minggu lalu dengan berkata, 65,357 daripada 197,528 borang permohonan ditolak komputer kerana tidak lengkap.

"Seramai 60,000 bekas ahli S46 sudah diterima masuk semula ke dalam Umno, ini bermakna tinggal lagi baki kira-kira 60,000 yang masih dikesan dan disiasat.

"Kita tidak akan menolak sesiapa kerana ini adalah perjanjian antara dua presiden parti, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan presiden S46, Tengku Razaleigh.

"Kita perlu menghormati perjanjian itu kerana S46 sanggup dibubarkan untuk membolehkan ahlinya kembali ke pangkuan Umno.

"Kita adalah parti yang berdisiplin dan berpegang kepada kata-kata kerana kejujuran itu juga Umno dipilih menjadi parti pemerintah sejak 1965," katanya.

Menjawab soalan, jika terbukti benar dakwaan itu dan terdapat aduan serta bukti yang kukuh, mereka yang didapati bersalah kerana sengaja melakukan perbuatan itu akan dikenakan tindakan tegas.

"Kita tidak boleh cakap apa hukuman yang dikenakan, ia bergantung kepada kesalahan yang dilakukan," katanya.

Mengenai kedudukan akaun Pergerakan Wanita Umno, Sabbaruddin berkata perkara itu telah diselesaikan oleh Bendahari Umno, Tun Daim Zainuddin.

"Bagaimanapun saya tidak tahu sama wang berkenaan sudah diserahkan Tun Daim kepada bendahari Wanita yang baru," katanya.

Awal bulan lalu, Dr Mahathir mengumumkan akan menyiasat akaun Wanita di bawah kepemimpinan lalu berikutan ada aduan mengenainya. Majlis Tertinggi juga mengarahkan akaun itu ditutup bagi menyiasat laporan berhubung wang berjumlah RM1.8 juta itu.

Dua bekas pegawai pergerakan itu iaitu bekas setiausahanya, Habshah Osman dan bekas bendahari, Zainab Abu Bakar, dipanggil untuk penjelasan.

(END)